



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : EP337

# SUMBANGAN BAITULMAL DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH: KAJIAN BAITULMAL NEGERI PERLIS

**Siti Fatimah Binti Sudin, Khalid bin Ismail, Mohamad bin Haji Shuib, Amin bin  
Che Ahmat, Muhammad Syahid bin Ahmad**

*Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perlis), Malaysia*

---

## Abstrak

Kajian ini bertajuk: " *Sumbangan Baitulmal dalam Pembangunan Ekonomi Ummah: Kajian Baitulmal Negeri Perlis* " Ia mengkaji tentang sumbangan baitulmal kepada umat Islam di negeri Perlis. Baitulmal negeri Perlis memainkan peranan yang penting bagi menjana pembangunan ekonomi ummah khususnya dalam aspek bantuan kebajikan bertujuan membasmi kemiskinan. Kaedah temubual digunakan terhadap pihak pengurusan tertinggi baitulmal Perlis bagi mendapatkan data. Antara dapatan kajian menunjukkan sumbangan yang diberikan berasaskan kaedah bantuan 1:2:5, merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin (termasuk fakir) yang tidak berumah dan membaiki lima buah rumah yang daif .

**Kata kunci:** Baitulmal, Perlis, Sumbangan Ekonomi.

---

## 1. PENDAHULUAN

Baitulmal<sup>1</sup> adalah institusi penting yang memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi ummah sejak permulaan Islam sehingga kini. Fungsi baitulmal merupakan Perbendaharaan Negara yang menguruskan pendapatan negara sebelum diagihkan kepada asnaf. Walaupun skop baitulmal sekarang agak terhad, namun ia masih memberi sumbangan yang besar dan signifikan kepada pembangunan ummah masakini. Baitulmal negeri Perlis di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) telah menjalankan peranan tersebut melalui kaedah bantuan 1:2:5.

## 2. SEJARAH PERKEMBANGAN BAITULMAL

Sejarah perkembangan institusi baitulmal secara umumnya dapat diringkaskan kepada empat tahap utama. Ia bermula dengan zaman kepimpinan Baginda Rasulullah s.a.w, diikuti zaman kepimpinan Saidina `Umar al-Khattab (13H-23H/634-644M), zaman pemerintahan `Umar Abd. Aziz (99H-101H/717-720M), dan zaman pemerintahan Harun al-Rasyid (170H).

### 2.1.1 Zaman Rasulullah s.a.w

Zaman rintis kepada perkembangan baitulmal bermula apabila Baginda s.a.w telah menubuhkan badan perbendaharaan Negara yang berpusat di Masjid Nabawi pada tahun ke-2 hijrah bertujuan menguruskan hasil pendapatan negara. Segala sumber yang diperolehi akan dikumpul dalam perbendaharaan untuk digunakan bagi menampung perbelanjaan pengurusan negara (Wan Asma', 2008:78-81). Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa pada peringkat awal kerajaan Islam, fungsi baitulmal adalah terhad dan tidak meluas. Hal ini berlaku di sebabkan beberapa faktor, antaranya perkembangan Islam yang agak terbatas menyebabkan pendapatan negara juga tidak banyak. Lanjutan dari itu kerja-kerja pengurusan serta pentadbiran perbendaharaan tidak menjadi terlalu rumit. Ini dapat dilihat sebagai contohnya sumber pendapatan baitulmal Negara Madinah di zaman Rasulullah s.a.w tertumpu kepada harta *Fai`*, *Ghanimah*, *Sulh al-Jizyah*, sumbangan derma dan zakat. Sumber-sumber ini akan diagihkan kepada penerima dengan seberapa segera. Pengagihan tersebut menyebabkan pengumpulan atau limpahan harta tidak terlalu banyak di pusat perbendaharaan Negara (Nik Mustapha , 2003:9-13). Kesimpulannya, pengurusan baitulmal pada zaman Rasulullah s.a.w, malah sehingga kepada zaman kepimpinan Khalifah Saidina Abu Bakr r.a (11 H) masih berada pada tahap yang mudah, tidak terlalu rumit, dan berada pada peringkat sederhana. Malahan harta yang diperolehi diagihkan kepada golongan yang layak menerima dalam tempoh masa singkat iaitu tidak melebihi daripada tiga hari (Hailani,1982:12 dan 120).

### i. Zaman Saidina `Umar al-Khattab

---

<sup>1</sup> Baitulmal bermaksud perbendaharaan

Zaman pemerintahan khalifah `Umar al-Khattab (13 H), agama Islam semakin tersebar, begitu juga dengan wilayah yang dikuasai umat Islam semakin luas dan harta perang semakin bertambah. Pertambah pendapatan negara ini, bukanlah sesuatu yang menyenangkan tetapi ia juga turut membawa kepada implikasi dan masalah baru dalam pentadbiran khalifah `Umar al-Khattab sebagai ketua Negara (Hailani, 1982:12). Namun, hasil keterbukaan pemikiran Umar al-Khattab sebagai seorang khalifah, beliau menerima cadangan yang dikemukakan oleh Khalid b. al-Walid supaya menubuhkan *Diwan* untuk menjaga kepentingan harta-harta yang dimiliki oleh kerajaan Islam (al-Mawardi, 1966:202). Kesenambungan dari cadangan tersebut, khalifah Umar al-Khattab mengarahkan `Aqil b. Abi Talib, Jubair b. Mut'im, Makhramah b. Nawfal menguruskan hal pentadbiran *Diwan* yang ditubuhkan dan kemudiannya dikenali dengan nama Baitulmal. Sebagai mana dinyatakan sebelum ini, Madinah berfungsi sebagai pusat pentadbiran dan diwujudkan pula wilayah-wilayah yang berfungsi sebagai cawangan-cawangan untuk penyelarasan yang ditadbir oleh pegawai-pegawai wilayah. Pentadbiran bersistematik yang diwajibkan oleh khalifah Umar al-Khattab, maka telah bermulalah sejarah penubuhan baitulmal secara formal dalam Negara Islam.

## ii. Zaman `Umar Abd. Aziz

Semasa pemerintahan khalifah Umar b. `Abd al-Aziz pada tahun 99 H, beliau memainkan peranannya sebagai seorang *al-Muslih*<sup>2</sup> dengan bertindak melaksanakan keadilan, mengembalikan hak rakyat yang tertindas, dan membanteras serta membasmi penyelewengan (al-Mawardi, 1966:74). Hasil pendapatan negara ketika pemerintahan beliau semakin bertambah, malah hasil kharaj ketika itu berlebihan. Keseluruhan hasil dapatan harta baitulmal di zaman pemerintahan Umayyah ini lebih besar jumlahnya berbanding pemerintahan khulafa al-Rasyidin. Dianggarkan jumlah pendapatan Negara ketika ini berjumlah melebihi 221 juta dirham hasil daripada pembukaan wilayah baru yang luas, penambahbaikan sistem pertanian dan pengairan oleh para pemerintah bagi meningkatkan hasil Negara terutamanya daripada *kharaj* atau cukai (Hailani, 1982:14).

## iii. Zaman Harun al-Rasyid

Harta baitulmal ketika zaman pemerintahan khalifah Harun al-Rasyid terus meningkat. Menurut al-Jahashiari, harta Baitulmal ketika itu ialah sebanyak 530.5 juta dirham. Terdapat riwayat yang menjelaskan bahawa Harun al-Rashid merupakan pemerintah yang terbaik pada zaman kerajaan Abbasiyyah. Mengikut al-Tabari, ketika kewafatan Harun al-Rashid harta Baitulmal didapati mencapai jumlah 900 juta dirham. Pembangunan Kota Baghdad terus berkembang pesat dalam masa suka abad, sehingga menjadi pusat tumpuan ilmu, dan kawasan perdagangan di kawasan Asia dan Eropah (Hailani, 1982:16-17). Kegemilangan baitulmal semakin malap selepas kewafatan Harun al-Rashid (193H), akibat perebutan kuasa oleh al-Ma'mun bagi mengalahkan al-Amin. Keadaan yang tidak stabil tersebut menyebabkan Rum mengambil peluang menyerang kerajaan Abbasiyyah. Ketika pemerintahan al-Mutawakil yang dianggap sebagai zaman keruntuhan kerajaan Abbasiyyah, jumlah harta yang terdapat dalam baitulmal hanyalah berjumlah 67 juta dirham (Wan Asma', 2008:82).

## iv. Baitulmal di Malaysia

Sejarah perkembangan baitulmal di Malaysia berbeza jika dibandingkan dengan sejarah perjalanan baitulmal di zaman awal perkembangan Islam. Institusi Baitulmal pada masa sekarang mempunyai bidang kuasa yang lebih sempit iaitu untuk menguruskan harta berbentuk harta khas dan harta kebajikan sahaja. Hal ini berlaku kerana institusi baitulmal di Malaysia berfungsi berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 (1) kepada Badan Perundangan Negeri untuk mentadbir Hal Ehwal orang Islam di bawah kuasa Raja Negeri yang dapat menjalankan tanggungjawabnya secara sah kepada umat Islam di Malaysia<sup>3</sup>

### 1. Baitulmal Perlis ( Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis [MAIPs] ).

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) telah ditubuhkan secara rasmi pada tanggal 1 Februari 1948 setelah Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Januari 1948. Matlamat penubuhan MAIPs adalah mengendalikan Hal Ehwal Agama Islam negeri Perlis. Di peringkat awal penubuhan, MAIPs mempunyai tiga Jawatankuasa yang dikenali dengan Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Mahkamah Kadi, dan Jawatankuasa Ulangbicara Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs).

Setelah 15 tahun MAIPs memainkan peranan dalam mengendalikan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis, pada tahun 1963 telah dibuat suatu pindaan ke atas Fasal 4 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis No. 3 yang dilulus untuk meletakkan baitulmal sebagai satu badan yang berfungsi bagi membangunkan ekonomi umat Islam. Fungsinya dilaksanakan setahun selepas itu iaitu pada tahun 1964. Pindaan ini telah mengangkat kedudukan baitulmal untuk bergerak dengan lebih efisien dan memikul tanggungjawab besar dalam merealisasikan agenda pembangunan sosio ekonomi umat Islam khususnya di negeri Perlis.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> *Al-Muslih* bermaksud orang yang berusaha untuk mengembalikan suatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai.

<sup>3</sup> Perlembagaan Persekutuan Hingga 5hb April 2005. Selangor : International Law Book Services (ILBS). h. 156. ; Zaini Nasohah (2004), Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka. Kuala Lumpur : Utusan publications & Distributors Sdn Bhd. h. 82-84.

<sup>4</sup> Pelan Strategik 2011-2015 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, h. 11.

Sehingga kini, kedudukan Baitulmal Perlis masih lagi berada di bawah MAIPs yang dinaungi oleh Ketua Agama Islam, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Pegawai Eksekutif, dan Setiausaha Majlis. Baitulmal Perlis telah dibahagikan kepada tiga unit utama dalam menjayakan sasaran kerja tahunan (SKT) yang ditetapkan setiap tahun iaitu:

- i. Unit Pembangunan dan Pelaburan

Unit ini berfungsi merangka pembangunan untuk pertumbuhan ekonomi demi kebaikan umat Islam setempat dan menguruskan pelaburan wakaf, zakat dan baitulmal.

- ii. Unit Wakaf dan Sumber Am

Unit ini berfungsi menguruskan Hal Ehwal Wakaf Baitulmal dan Sumber Am, mempromosi sumbangan dan bantuan yang boleh disalurkan kepada rakyat Islam.

- iii. Unit Zakat.

Bertanggungjawab untuk menguruskan Hal Ehwal Zakat, menguruskan pungutan dan agihan zakat, dan merancang kutipan serta agihan zakat.<sup>5</sup>

## 2.2 Peranan Baitulmal Perlis

Terdapat beberapa peranan yang ditetapkan oleh Baitulmal Perlis bagi menjayakan Misi dan mencapai VISI sebagai sasaran utama MAIPs, bersesuaian dengan pembangunan ekonomi yang semakin rancak membangun. Ia berperanan dalam mentadbir, menguruskan harta-harta zakat, wakaf, baitulmal serta sumber am. Baitulmal Perlis juga adalah agensi bertanggungjawab menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di negeri Perlis selaras dengan hukum syarak. Baitulmal Negeri Perlis juga telah melantik jawatankuasa yang dikenali dengan nama Jawatankuasa Baitulmal (menggantikan jawatankuasa Zakat dan Fitrah) bagi melincinkan perjalanan pentadbiran di samping mengambil pegawai-pegawai tetap, kontrak dan sambilan. Untuk meningkatkan proses pungutan dan pengagihan zakat, baitulmal telah melatih amil-amil di setiap kariah. Pada masa kini, terdapat 101 buah kariah di negeri Perlis dan seramai 104 orang amil termasuk 5 orang amil kaunter yang ditugaskan untuk mengutip zakat harta. MAIPs juga telah membahagikan pentadbiran urusan zakat negeri Perlis kepada lima zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Barat, Zon Timur dan Zon Tengah<sup>6</sup>.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Baitulmal Perlis mengagihkan bantuan yang dapat memenuhi keperluan asas asnaf. Skop pengagihan dikategorikan kepada keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Penerima agihan yang mampu berusaha dikategorikan sebagai asnaf yang produktif. Manakala asnaf yang tidak produktif terdiri daripada mereka yang tidak berupaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecatatan dan sebagainya. Bantuan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada keperluan asnaf berdasarkan hasil maklumat siasatan oleh pegawai bertanggungjawab dari semasa ke semasa<sup>7</sup>. Salah satu peranan terbesar yang disumbangkan oleh baitulmal di bawah kelolaan MAIPs dalam pembangunan ekonomi ummah di negeri Perlis ialah kaedah bantuan 1:2:5. Perincian untuk menjelaskan kaedah ini dapat difahami sebagaimana huraian seperti di bawah.

### 2.2.1 Kaedah bantuan 1:2:5

Kaedah bantuan 1:2:5 ini merujuk kepada nisbah bantuan yang telah dipersetujui oleh pihak pengurusan Baitulmal Perlis untuk diberikan kepada asnaf miskin (termasuk fakir) di negeri tersebut. Projek 1:2:5 merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin yang tidak berumah, manakala lima buah rumah daif pula akan dibaik pulih. Kos pembinaan sebuah rumah baru adalah lebih kurang RM 28,000.00 manakala kos pembaikan rumah daif pula dianggarkan tidak melebihi RM19,000 ataupun jika kerosakan sesebuah rumah melebihi 80%, rumah tersebut tidak akan dibaiki, tetapi akan dikategorikan dalam keperluan pembinaan rumah baru. Walau bagaimanapun, terdapat juga rumah yang dibina atau dibaiki kurang atau melebihi had tersebut. Ia bergantung kepada penilaian yang telah dilakukan oleh pegawai yang diamanahkan (Penolong Jurutera dan Pegawai MAIPs)<sup>8</sup>.

### 2.2.2 Prosedur Bantuan

Setiap pemohon perlu membuat permohonan dengan mengisi borang bantuan yang boleh didapati di Pejabat Baitulmal negeri Perlis atau daripada amil yang dilantik di setiap kariah. Antara syarat permohonan mestilah beragama Islam, miskin (termasuk

<sup>5</sup> *Ibid*, h. 12-13

<sup>6</sup> Temubual dengan Encik Shuhaimi bin Nordin, Pembantu Hal Ehwal Islam pada 26 September 2012, jam 3.00 petang di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.

<sup>7</sup> Buletin Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis, edisi 01/2011, Kangar: Unit Penerangan Baitulmal Perlis. h. 1

<sup>8</sup> Temubual dengan Tuan Haji Abdul Malik bin Haji Husin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs. 11 Julai 2012, jam 9.00 pagi di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.

fakir)<sup>9</sup>, dan bermastautin di negeri Perlis. Sekiranya memenuhi syarat permohonan, Baitulmal Perlis akan menghantar pegawai Baitulmal dan Penolong Jurutera bagi melawat dan mengenal pasti serta membuat penilaian ke atas permohonan. Mereka juga akan menentukan kategori bantuan, samada bantuan pembaikan rumah atau bantuan pembinaan rumah baru. Setelah penilaian di buat, permohonan akan dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs untuk kelulusan yang mengambil masa lebih kurang dua minggu. Setelah mendapat kelulusan, pemohon boleh meneruskan usaha membaiki atau membina rumah dengan cara mencari kontraktor bagi menjalankan usaha-usaha pembinaan atau pembaikan rumah. Setelah selesai kerja-kerja tersebut dan disahkan, pihak MAIPs akan membayar terus keseluruhan kos kepada kontraktor yang telah dilantik oleh pemohon.

### 3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan Baitulmal Perlis telah melaksanakan sumbangan zakat kepada penduduk negeri Perlis di bawah kategori miskin (termasuk fakir) mengikut kaedah 1:2:5 kepada lima zon iaitu zon timur, zon barat, zon utara, zon selatan dan zon tengah.

#### a. Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Timur

Bantuan berjumlah RM 281,689.00 telah diperuntukkan di Zon Timur untuk membaiki rumah. Jumlah rumah yang dibaiki ialah 29 buah mewakili 14 Kariah. Sebanyak RM 205,600.00 diperuntukkan untuk membina 8 buah rumah baru di 7 Kariah. Data yang lebih terperinci mengenai bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Timur dapat dilihat berdasarkan kepada jadual 1 di bawah.

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Batu Bertangkup	6	49,311.00	1	28,000.00
2	Kubang Perun	1	9,067.00	1	28,000.00
3	Kubang Paya	1	3,500.00		
4	Gial	1	9,100.00		
5	Batu 20			1	28,000.00
6	Ulu Pauh	2	17,500.00		
7	Titi Tinggi	4	46,887.00		
8	Bawah Bukit	1	17,700.00		
9	Arau 1	6	55,770.00	1	28,000.00
10	Kg Padang Telela	2	12,000.00		
11	Felcra Ulu Pauh	1	5,000.00		
12	Guring			1	26,000.00
13	Batu 18	1	15,000.00		
14	Chuping			2	35,600.00
15	Panggas	1	18,300.00		
16	Pauh	1	15,554.00	1	32,000.00
17	Lubuk Sireh	1	7,000.00		
	<b>JUMLAH</b>	<b>29 buah</b>	<b>281,689.00</b>	<b>8 buah</b>	<b>205,600.00</b>

Jadual 1 : Zon Timur

#### 3.2 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Barat

Zon Barat telah memperuntukkan dana sebanyak RM 220,250.97 untuk membaiki 24 buah rumah di 12 Kariah, manakala sebanyak RM 368,00.00 telah diperuntukkan untuk membina 13 buah rumah di 11 Kariah terpilih. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Barat dapat dilihat berdasarkan kepada jadual 2 di bawah.

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Kampung Surau	3	38,716.47		
2	Arau Dua	1	6,200.00	2	56,000.00
3	Jejawi Dalam	2	17,136.00	1	28,000.00
4	Kubang Gajah			1	28,000.00
5	Sentua	1	11,665.23	1	28,000.00
6	Longboh Kepala 10	2	9,428.00		

<sup>9</sup> MAIPs menggariskan miskin dengan maksud pendapatan isi rumah kurang daripada RM 700.00 sebulan.

**The 9<sup>th</sup> Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)**  
11-12Disember 2012, Perak, MALAYSIA

7	Tambun Tulang	5	45,156.46	1	28,000.00
8	Alor Redih	3	30,645.00	1	28,000.00
9	Kangar	1	500.00	2	60,000.00
10	Bintong			1	28,000.00
11	Batu Dua			1	28,000.00
12	Mengkuang Layar			1	28,000.00
13	Guar Syed Alwi	1	11,157.00		
14	Sungai Adam	1	2,376.81		
15	Che Ok	3	32,270.00		
16	Sempering	1	15,000.00	1	28,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>24 buah</b>	<b>220,250.97</b>	<b>13 buah</b>	<b>368,000.00</b>

Jadual 2 : Zon Barat

### 3.3 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Utara

Sebanyak RM395,444.00 telah diperuntukkan di Zon Utara bagi membaiki 33 buah rumah di 13 Kariah, manakala RM763,942.00 telah diperuntukkan untuk membina 28 buah rumah di 15 Kariah. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Utara dapat dirujuk berdasarkan kepada jadual 3 di bawah.

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Oran	2	23,254.00	7	188,800.00
2	Berseri Sungai Paya	2	18,800.00	1	27,300.00
3	Santan	5	53,931.00	2	59,300.00
4	Berseri Batu Hampar	2	19,960.00		
5	Padang Melangit	2	22,000.00	4	111,600.00
6	Bukit Keteri	1	6,000.00	1	24,000.00
7	Paya	1	27,300.00	2	26,342.00
8	Kampung Belukar	2	24,112.00		
9	Padang Pauh	5	48,825.00	3	78,200.00
10	Padang Lati	1	18,500.00	1	28,000.00
11	Perawah	5	60,070.00	1	27,300.00
12	Mata Ayer	4	54,186.00	1	54,600.00
13	Gial	1	18,506.00	1	27,300.00
14	Baroh			1	32,000.00
15	Berseri Semadong			1	22,200.00
16	Jamek Berseri			1	32,000.00
17	Alor Tampang			1	25,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>33 buah</b>	<b>395,444.00</b>	<b>28 buah</b>	<b>763,942.00</b>

Jadual 3 : Zon Utara

### 3.4 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Selatan

Zon selatan pula sebanyak RM 692,529.00 telah diperuntukkan untuk membaiki 79 buah rumah di 19 Kariah. Manakala RM 390,531.00 telah diperuntukkan untuk membina 14 buah rumah di 9 Kariah. Data yang lebih terperinci berkaitan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Selatan dapat dilihat berdasarkan kepada jadual 4 di bawah.

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Sungai Baru	11	76,308.00	2	49,800.00
2	Chemumar	4	32,231.00		
3	Padang Keria	5	44,729.00		
4	Behor Mentalon	3	4,100.00	3	88,000.00
5	Sungai Bugis	2	23,400.00	1	28,000.00
6	Titi Beratap	8	80,992.00	1	28,000.00
7	Kampung Sena	3	27,830.00		
8	Permatang Bongor	3	35,275.00	2	48,731.00
9	Sungai Padang	5	54,777.00		
10	Pauh Sanglang			1	32,000.00

11	Bunga Emas	5	32,100.00		
12	Simpang Empat	10	76,703.00		
13	Kurung Anai	3	27,350.00	1	28,000.00
14	Serdang	1	9,085.00		
15	Jelepok	1	11,500.00		
16	Bongor Kudong	3	33,911.00		
17	Kampung Tebok	2	26,850.00	2	56,000.00
18	Sungai Berembang	6	52,648.00	1	32,000.00
19	Sanglang	3	27,740.00		
20	Behor Mali	1	15,000.00		
	<b>JUMLAH</b>	<b>79 buah</b>	<b>692,529.00</b>	<b>14 buah</b>	<b>390,531.00</b>

Jadual 4 : Zon Selatan

### 3.5 Bantuan Baiki Dan Membina Rumah Baru Di Zon Tengah

Zon Tengah telah memperuntukkan sebanyak RM **512,865.94** untuk membaiki 59 buah rumah di 14 Kariah. Manakala RM 478,827.74 telah diperuntukkan untuk membina 17 buah rumah di 10 Kariah. Data yang lebih terperinci berkenaan bantuan baiki dan membina rumah baru di Zon Tengah dapat dilihat berdasarkan kepada data yang dibentang seperti jadual 5 di bawah.

BIL	KARIAH	BAIKI	JUMLAH(RM)	BINA BARU	JUMLAH(RM)
1	Padang Behor	1	17,300.00		
2	Titi Tok Bandar	4	56,800.00	1	28,000.00
3	Bintong Telok Jambu	3	24,438.51	2	60,000.00
4	Kurung Batang	7	57,460.00	3	82,000.00
5	Kangar	1	6,000.00	1	28,000.00
6	Bangsar Lebah	6	51,946.00	3	89,800.00
7	Seberang Tok Pi	15	123,100.00	1	28,000.00
8	Padang Besar Selatan	1	9,200.00		
9	Wang Ulu	3	34,320.77		
10	Seberang Ramai	10	57,200.00	2	56,000.00
11	Behor Temak	3	21,113.00		
12	Padang Katong			2	43,027.74
13	Abi	3	24,487.66		
14	Tok Kaya	1	16,500.00		
15	Wang Bintong	1	13,000.00		
16	Binjal			1	32,000.00
17	Kota Kayang			1	32,000.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>59 buah</b>	<b>512,865.94</b>	<b>17 buah</b>	<b>478,827.74</b>

Jadual 5 : Zon Tengah

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan sebanyak RM4,309,679.65 telah diperuntukkan oleh MAIPs dalam kaedah bantuan 1:2:5, iaitu RM2,102,778.91 bagi bantuan baiki 224 buah rumah. Manakala sebanyak RM2,206,900.74 bagi bantuan membina 80 buah rumah baru di lima buah zon seluruh negeri Perlis.

### KESIMPULAN

Tuntasnya dapat dirumus berdasarkan kepada kajian yang dijalankan menunjukkan Baitulmal Perlis (MAIPs) telah berjaya menaikkan taraf sosio-ekonomi umat Islam Perlis melalui kaedah bantuan 1:2:5 (merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga miskin yang tidak berumah, manakala lima buah rumah daif pula akan dibaik pulih). Sebanyak RM4,309,679.65 telah disumbangkan untuk membaiki dan membina rumah asnaf yang layak. Usaha-usaha seperti ini perlu diterus dan ditingkatkan demi pembangunan ummah serta mengelakkan umat Islam di negeri Perlis dibelenggu oleh kemelut kemiskinan yang boleh membawa kepada pelbagai gejala yang tidak diinginkan.

### RUJUKAN

Al-Mawardi (1966), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. cet.2. Qaherah : Matba`ah al-Halabi.

Buletin Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis, edisi 01/2011, Kangar: Unit Penerangan Baitumal Perlis.

Hailani Muji Tahir (1982), Baitul Mal Institusi Kewangan Negara Islam Dan Asas Belanjawan Negara. Kuala Lumpur : Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia (Al-Rahmaniyyah).

Kamus Dewan (2010), e.4, cet.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Mustapha Nik Hassan (2003), *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Pelan Strategik 2011-2015 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis  
Perlembagaan Persekutuan Hingga 5hb April 2005. Selangor : International Law Book Services (ILBS).

Wan Asma' Wan Abu Bakar (2008), *Islam dan Pengurusan Hartanah*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Zaini Nasohah (2004), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Sebelum Dan Menjelang Merdeka*. Kuala Lumpur : Utusan publications & Distributors Sdn Bhd.

### **Temubual**

Temubual dengan Tuan Haji Abdul Malik bin Haji Husin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs. 11 Julai 2012, jam 9.00 pagi di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.

Temubual dengan Encik Shuhaimi Bin Nordin, Pembantu Hal Ehwal Islam pada 26 September 2012, jam 3.00 petang di Pejabat MAIPs, Kangar. Perlis.